


Atasi budaya melepak

Cari jalan penyelesaian selamatkan remaja Malaysia



MELEPAK kini sudah menjadi budaya di kalangan remaja negara ini tanpa mengira sama ada di kawasan bandar atau luar bandar dan semakin berleluasa di kalangan masyarakat Melayu khususnya, seolah-olah dilakukan tanpa rasa bersalah kerana amalan demokrasi di Malaysia dieksploitasi sepenuhnya.

Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan melepak sebagai amalan negatif di kalangan remaja yang menghabiskan masa tanpa tujuan tertentu dan melakukan perkara tidak memberi faedah dan sudah pasti situasi ini menyedihkan kerana dalam jangka panjang ia merosakkan masa depan bangsa.

Jabatan Pendidikan pada awal tahun ini mengeluarkan perangkaan bahawa seramai 500 pelajar dilaporkan ponteng sekolah dan melepak di pusat beli-belah di sekitar kawasan bandar raya Kuala Lumpur tanpa pengetahuan ibu bapa mereka.

Sesetengah pihak menganggap fenomena yang boleh mengancam keharmonian negara ini merebak berpunca daripada sogokan hiburan yang melampau oleh media massa sehingga remaja yang tidak kuat pendirian agama dan budaya bangsa mereka mudah terpengaruh dengan kegiatan melalaikan.

Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr



Sarjit Singh Darshan Singh, melihat fenomena sosial itu berterusan kerana perancangan khusus yang diadakan untuk belia masih belum mampu mengubah tabiat lepak mereka.

Justeru, setiap daripada ahli masyarakat bertanggungjawab menggerakkan pertumbuhan belia agar menganjur kegiatan riadah yang bersesuaian dengan jiwa remaja dan mendapatkan kerjasama daripada kerajaan mahupun swasta dalam penyediaan dana.

“Setiap program yang direncanakan hanya boleh

dilaksanakan sekiranya ada peruntukan mencukupi. Saya berharap kerajaan dapat meningkatkan dana untuk program belia kerana ia banyak membantu mengatasi masalah lepak di kalangan remaja,” jelasnya kepada *Sastera* ketika ditemui di Fakulti Ekologi Manusia UPM, Serdang, baru-baru ini.

Beliau mendakwa sikap masyarakat yang lebih mudah menerima bahan berbentuk hiburan adalah punca utama tabiat buruk itu kian meresap dalam jiwa generasi muda masa kini tanpa disedari bahawa ia boleh men-

jejaskan imej negara jika dibiarkan berleluasa.

Guru Kaunseling SMK Seri Kundang, Rawang, Ustaz Nizam Abdul Hamid, pula melihat budaya melepak bukan saja berlaku di kalangan remaja, malahan golongan dewasa disebabkan kurangnya pendedahan ilmu mengenai masyarakat terhadap mereka.

“Masalah ini akan berlanjutan kerana masyarakat utamanya umat Islam tidak dipupuk dengan ajaran sebenar. Islam sebenarnya menuntut umatnya mengisi masa lapang di masjid atau surau

bukan saja untuk beribadat, bahkan bagi mengeratkan hubungan silaturahim dengan mengadakan aktiviti riadah yang bersesuaian,” ujarnya.

Beliau yakin ibu bapa dapat memastikan gejala melepak berkurangan dengan mengorbankan sedikit waktu untuk bersama-sama dengan anak melalui pengisian aktiviti keluarga di luar rumah agar mereka tidak berasa terlalu bosan dan berasa diberi perhatian.


“Kebanyakan remaja yang suka melepak memberitahu mereka bertindak demikian kerana berasa bosan dan tiada suasana harmoni di rumah apabila setiap ahli keluarga sibuk dengan hal masing-masing. Keadaan ini menyebabkan mereka mencari hiburan dan melepak untuk memenuhi masa lapang,” jelasnya.

Bagaimanapun, Nizam berharap ibu bapa tidak terlalu memberi tekanan kepada anak mereka dengan memberi ruang dan peluang kepada golongan muda untuk memilih kecenderungan minat masing-masing sama ada dalam bidang akademik atau sosial selagi tidak melanggar batas agama.

“Ibu bapa perlu mendalami isi hati anak dengan memberi mereka pilihan meneruskan minat agar tidak memberontak dan bersudahan dengan melepak”

**Ustaz Nizam
Abdul Hamid**

Guru Kaunseling
SMK Seri Kundang, Rawang



“Tabiat melepak boleh menyebabkan seseorang itu terdorong melakukan perkara negatif seperti merempit, mengambil dadah dan minuman keras”

**Dr Sarjit Singh
Darshan Singh**

Pensyarah Kanan Fakulti
Ekologi Manusia, UPM

Seminar

SEMINAR Serantau Memperingati 100 Tahun Pahlawan Nasional Bapak Mohammad Natsir bertema Berdakwah di Jalur Politik, Berpolitik di Jalur Dakwah akan diadakan di Pusat Konvensyen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Sri Putra, Bangi, pada 10 Januari ini.

Yuran penyertaan RM20 untuk pelajar, RM70 (individu) dan RM100 (wakil organisasi) manakala maklumat lanjut hubungi Sekretariat Seminar di Pejabat Timbalan Rektor Pembangunan Korporat dan Pengantarabangsaan KUIS di talian 03-89254251 sambungan 1300 dan faksimile 03-89254418.

Genta puisi

MALAM Genta Puisi Aswara-Pena akan diadakan di Anjung Beringin, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, pada 31 Disember ini, jam 8.30 malam.

Dialog

DIALOG Badan Seniman Paksi Rakyat (Paksi) Dengan Penulis akan diadakan di Hotel Carlton, Shah Alam, pada 25 Disember ini, jam 8.30 pagi hingga 1 tengah hari manakala maklumat lanjut hubungi Razali Endun di talian 019-6658064.

Psikik kanak-kanak

PENDAFTARAN The Child Psychic Channel yang dibuka kepada kanak-kanak berusia 13 tahun ke bawah akan diadakan di Wisma DPI - Invergold, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur, pada 3 Januari ini, jam 9 pagi hingga 4 petang.

Yuran RM100, makan untuk kanak-kanak (RM50) dan bayaran ibu bapa yang menemani sehingga petang (RM50) dikenakan manakala maklumat lanjut hubungi Dalina Ismail di talian 019-3303154 atau 03-89435746.

Pertemuan

MAJLIS Perjumpaan Penulis Buku Prima akan diadakan di Buku Prima Sdn Bhd, Bilik 101, Tingkat 1 Lot 7 Persiaran Selangor, Seksyen 15, Shah Alam, pada 26 Disember ini, jam 3 petang manakala maklumat lanjut hubungi talian 03-55105534/6636.

Kem Bestari

PROGRAM Musim Cuti Sekolah, Kem Bestari Solat ke Arah Bina